

Soalan No : 64

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI
DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG]

TARIKH : 6.4.2015

SOALAN :

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan membina dan menubuhkan Sekolah Teknik dan Vokasional di Parlimen Pengerang bagi aliran oil & gas kerana pusat pendidikan IKBN yang ada hanyalah untuk lepasan SPM dan perkara ini sejajar dalam melahirkan tenaga kerja tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Transformasi Kurikulum dalam Kolej Vokasional dibentuk dengan memfokuskan kepada membina bakal pekerja yang dapat diterima oleh industri sebagai tenaga mahir profesional yang mempunyai lulusan yang diiktiraf bukan sahaja di Malaysia tetapi juga oleh badan pengiktiraf kemahiran profesional luar Negara. Dalam RMK-10 Kerajaan telah mencadangkan penambahbaikan akses kepada pendidikan vokasional bermula di peringkat sekolah dengan meningkatkan kemahiran rakyat Malaysia ke arah meluaskan kebolehpasaran, dan memusatkan pembangunan modal insan yang lebih kompeten dan berdaya saing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 untuk menaik taraf SMK Tanjung Pengelih di Pengerang kepada Kolej Vokasional (KV) dengan memberi fokus untuk melaksanakan program Oil & Gas bagi menampung keperluan dalam bidang berkenaan. Namun demikian, kelulusan projek naik taraf tersebut bergantung kepada kelulusan oleh agensi pusat dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

RJM102